

UNTUK SIARAN SEGERA

KENYATAAN MEDIA

SWM ENVIRONMENT SIAP SIAGA HADAPI SAMBUTAN PERAYAAN HARI RAYA AIDILFITRI

(Seremban, 31 Mei 2019) SWM Environment Sdn Bhd (SWM Environment) bersiap siaga hadapi sambutan perayaan Hari Raya Aidilfitri yang bakal menjelang tiba tidak lama lagi.

“Syarikat konsesi SWM Environment telah merangka strategi operasi Hari Raya sebagai langkah awal memastikan perkhidmatan syarikat berjalan lancar dengan mengenal pasti beberapa lokasi penting yang memerlukan perhatian dan tindakan operasi pembersihan,” kata Pengurus Wilayah Negeri Sembilan & Melaka, Dr. Al’Ashari Bin Haji Othman.

Tumpuan kerja-kerja operasi syarikat konsesi SWM Environment sepanjang sambutan Hari Raya Aidilfitri meliputi pasar-pasar awam (32 buah lokasi), pasar tani dan pasar tani mega (14 buah lokasi), bazar Ramadan (54 buah lokasi), bazar Raya (10 buah lokasi) serta pusat membeli belah dan pasaraya (48 buah lokasi) di seluruh Negeri Sembilan.

Sejumlah 37 buah lokasi jualan hari mantai di seluruh Negeri Sembilan yang bakal menjadi tumpuan bagi penjualan daging dan lemak sebelum menyambut Aidilfitri juga telah dikenal pasti dan akan dipantau tahap kebersihannya dari masa ke semasa.

Pihak syarikat juga turut bekerjasama dengan SWCorp dan Majlis Perbandaran Seremban bagi memantau lokasi perniagaan Bazar Raya pada malam Hari Raya terutamanya selepas Bazar Raya menutup operasi perniagaan mereka.

Kerjasama yang dilakukan adalah bagi memastikan para peniaga tidak culas menguruskan sisa perniagaan mereka selepas selesai operasi perniagaan dan kerja pembersihan dilakukan dengan segera agar sisa perniagaan diuruskan dengan baik serta tahap kebersihan terjamin.

Selain itu, tumpuan kerja-kerja ini juga akan melibatkan sejumlah 11 buah lokasi yang menjadi tumpuan pelancong dan pengunjung di Negeri Sembilan.

“SWM Environment akan menyediakan sejumlah 68 buah kompaktor, 52 buah lori terbuka/*Roll On Roll Off (RORO)* pada hari pertama sambutan perayaan Hari Raya Aidilfitri. Syarikat juga

akan mempertingkatkan jumlah kenderaan pada Hari Raya kedua sebanyak 99 buah lori kompaktor, 63 buah lori terbuka/ *Roll On Roll Off* (RORO),” ujar Dr. Al’Ashari.

Selain itu, pihak syarikat juga telah merangka jadual anjakan dan lokasi yang terlibat seperti berikut:

PBT	KAWASAN	KUTIPAN BERMULA
MP Seremban	Templer, sebahagian kawasan Labu, Senawang, Taman Bukit Mas Fasa 2, Taman Tasik Jaya, Kg Sentosa, Taman Seri Pagi, Taman AST, sebahagian kawasan Temiang, Mambau, sebahagian kawasan Rasah, Taman Angsa Mas, Seremban 3	02 - 05hb Jun
MP Nilai	Mantin, Batang Benar, Semarak, Nilai Impian, Labu, Kota Seriemas Bandar Enstek, Seremban Jaya, Seremban Selatan dan Taman Bandar Senawang	2hb – 5hb Jun
MP Jempol	Seluruh kawasan Jempol kecuali Pekan Bahau berjalan seperti biasa	2hb – 4hb Jun
MD Jelebu	Kuala Klawang & Titi	2hb – 4hb Jun
MD Rembau	Seluruh kawasan Rembau	2hb – 4hb Jun
MD Tampin	Seluruh kawasan Tampin	2hb – 4hb Jun
MD Kuala Pilah	Seluruh kawasan Kuala Pilah	2hb – 4hb Jun 7hb – 9hb Jun

Perkhidmatan kutipan sisa pepejal akan beroperasi seperti biasa bermula pada 6 Jun 2019 kecuali kawasan PBT Kuala Pilah yang akan bermula pada 10 Jun 2019. Pengumuman ini juga akan dimuat naik di laman media sosial SWM Environment dan disalurkan kepada semua Ahli



Majlis masing-masing dan juga Majlis Pengurusan Komuniti Kampung (MPKK) menerusi aplikasi *WhatsApp Group*.

Bagi menghadapi sebarang kemungkinan, pihak SWM Environment juga akan menyediakan anggota Unit Khas Raya bagi menangani sebarang kemungkinan yang melibatkan kerja-kerja kutipan sisa pepejal dan pembersihan awam.

Orang awam yang mempunyai aduan atau pertanyaan diminta menghubungi SWM Environment menerusi aplikasi **WhatsApp di 012-618 0082** atau talian Indahkan Malaysia di **1-800-88-7472** yang akan beroperasi seperti biasa semasa sambutan Hari Raya Aidilfitri.

TAMAT.

FAKTA

SWM ENVIRONMENT SDN BHD

SWM Environment Sdn Bhd. (SWM Environment) adalah syarikat konsesi yang diilantik oleh Kerajaan bagi mengendalikan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam bagi Zon Selatan Semenanjung Malaysia (Negeri Sembilan, Melaka dan Johor). SWM Environment memberikan perkhidmatan kepada lebih 5 juta isi rumah dengan tenaga kerja seramai kira-kira 8,000 orang dan mempunyai kenderaan serta jentera melebihi 1,000 buah pelbagai jenis kegunaan. Sila layari laman web www.swm-environment.com untuk mendapatkan maklumat lanjut berkenaan perkhidmatan syarikat SWM Environment.

Untuk keterangan lanjut, sila hubungi :

Pn. Nurul Liza Mohd Najib

Penolong Pengurus, Jabatan Komunikasi Korporat

SWM Environment Sdn. Bhd. (Negeri Sembilan)

(Tel) 06 – 601 4276/78/80, 012- 684 7168

(Faks) 06 – 601 4279